

18/04/2002

Sandiwara Powell, Sharon kaburi mata dunia

SEJURUS sebelum Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell mengadakan rundingan keduanya dengan pemimpin Palestin, Yasser Arafat di Ramallah yang dikepung tentera Yahudi semalam, kereta kebal dan tentera Israel mara ke Bal'a, sebuah lagi perkampungan di Tebing Barat. Ketika janji Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon untuk mengeluarkan tenteranya dari Jenin dan Nablus belum pun dilaksanakan, kampung baru yang lain pula digempur.

Tindakan Israel ini bercanggah dengan tujuan Powell untuk merintis semula rundingan damai Israel-Palestin di samping memenuhi tuntutan Presiden George W Bush supaya tentera Yahudi berundur dari Tebing Barat. Dunia masih meragui kesungguhan Bush. Ikrar pejuang Palestin untuk menamatkan pertelingkahan dengan syarat tentera Yahudi berundur dari bandar dan perkampungan Palestin, tidak sedikit pun dipedulikan. Tentera Israel bukan saja tidak berundur, malah terus mara dan melakukan keganasan. Jaminan Sharon untuk mengendurkan keadaan atau mengurangkan kehadiran tenteranya di bumi Palestin, tidak boleh dijadikan sandaran. Janji Sharon hanyalah sebagai muslihat untuk terus menawan satu demi satu bumi Palestin. Tidak timbul soal Israel mengurangkan kehadiran tenteranya kerana asas kepada kemungkinan rundingan damai ialah Israel mengundurkan tentera sepenuhnya.

Negara-negara Islam hanya mampu memerhati dari jauh sandiwara yang cuba dimainkan oleh Israel yang diketahui dunia mendapat sokongan padu Amerika Syarikat. Setelah rundingan pertama Powell-Arafat, Ahad lalu tidak menampakkan sebarang hasil, kemaraan tentera Israel ke Bal'a lebih berupa ugutan supaya rundingan yang dicadangkan gagal dan Israel boleh terus bermaharajalela. Kehadiran Powell tidak sedikit pun memberi sinar bahawa persengketaan Israel-Palestin dapat dikendalikan, Malah, hanya provokasi berterusan yang disajikan. Tentera Israel terus mengganas, manakala cadangan gencatan senjata hanyalah menjadi omokan. Kehadiran Powell kononnya membawa misi yang besar hanyalah sekadar melepaskan batuk di tangga. Pandangan Israel lebih diutamakan. Tidak nampak sebarang isyarat serius dari Powell mengarahkan tentera Israel berundur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini berada di Rabat, Maghribi tidak nampak sebarang kemungkinan perjanjian damai dapat dicapai di Asia Barat, selagi Israel tidak berganjak dari kawasan yang diduduki. Sebagaimana dijelaskannya, rundingan tidak boleh diadakan selagi Israel terus mengajukan senjata ke kepala rakyat Palestin. Selagi dunia gusar untuk mengiktiraf Israel sebagai negara pengganas, selagi itulah Yahudi berasa yakin mereka akan terselamat. Selagi Amerika Syarikat memihak kepadanya, tidak ada kuasa yang boleh menghalang Israel membunuh, mendera dan menzalimi rakyat Palestin hanya untuk mengaib dan memalukan mereka itu.

Daripada rentetan pelbagai peristiwa di Asia Barat, boleh dirumuskan bahawa selama ini Israel tidak sedikit pun berasa gentar untuk melakukan perbuatan zalim terhadap rakyat Palestin walaupun melakukan jenayah perang. Israel tidak mengendahkan pandangan dunia kerana tahu Amerika Syarikat sentiasa berada di belakangnya. Powell mungkin diutus untuk mengabui mata dunia kononnya sebagai penggerak perdamaian, tetapi anehnya membiarkan tentera Israel terus mengangkat senjata. Menyedari negara Islam sendiri tidak bersepakat, Israel tidak sedikit pun menghadapi ancaman. Negara Islam terus membisu sedangkan mereka mempunyai kuasa ekonomi yang

mampu menggugat. Malangnya, cadangan mengenakan sekatan minyak diterajui Iraq terhadap Amerika Syarikat yang dianggap sebagai dalang, tidak sedikit pun mendapat sambutan negara-negara Islam yang memiliki kuasa minyak. Cadangan mengenakan sekatan ekonomi terhadap Israel juga disambut begitu dingin sedangkan beberapa negara di Eropah pula termasuk Jerman, yang bertindak demikian. Dengan kurangnya keyakinan terhadap Amerika Syarikat untuk melakukan daya usaha damai, adalah dirasakan perlunya ada sebuah pertubuhan antarabangsa yang boleh menyelesaikan konflik di Asia Barat.

(END)